



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



KBS : 59/2024

MAJLIS PERUNDINGAN BELIA NEGARA PLATFORM MENGANGKAT SUARA BELIA MALAYSIA

1. Menteri Belia dan Sukan, YB Hannah Yeoh telah mempengerusikan **Majlis Perundingan Belia Negara (MPBN)** bagi **Sidang II, Penggal 34, Sesi 2023 – 2024** bertempat di **Pusat Belia Antarabangsa (IYC), Cheras, Kuala Lumpur** hari ini.
2. Persidangan ini turut dihadiri oleh **Timbalan Menteri Belia dan Sukan, YB Adam Adli Abd Halim** dan **Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan (KBS), YBhg. Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu**. Hadir sama, **Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Belia) Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN), YBrs. Dr. Zainah Shariff** dan **Presiden Majlis Belia Malaysia, Saudara Mohd Izzat Afifi Abd Hamid**.
3. MPBN yang diperuntukkan di bawah **Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 [Akta 668]**, merupakan **sesi libat urus** dan **persidangan** yang menghubungkan pemimpin pertubuhan belia negeri dan kebangsaan dengan wakil-wakil kementerian dan agensi persekutuan. MPBN mempunyai keahlian seramai **142 perwakilan belia** dan buat julung kalinya **disiarkan secara langsung** di **platform media sosial**.
4. **Objektif penganjuran MPBN** adalah seperti berikut:
 - 4.1 menyediakan platform bagi mengadakan perbincangan secara **konstruktif dan inklusif** berkaitan pembangunan belia;
 - 4.2 mengangkat **suara dan pandangan golongan belia** ke peringkat tertinggi Kerajaan;

- 4.3 memperkasakan **pembangunan belia daripada pelbagai perspektif** seterusnya memberikan impak positif kepada negara; dan
 - 4.4 melahirkan belia **dengan jati diri yang unggul** selaras dengan pendekatan **Malaysia MADANI** dan **Model Pembangunan Belia MADANI 2030 (MPBM 2030)**.
5. Sebanyak **tiga (3) usul pembangunan belia** telah dibahaskan oleh perwakilan sepanjang berlangsungnya persidangan iaitu:
- | BIL | USUL |
|------------|---|
| I. | Bahawa sidang ini mengambil ketetapan untuk mengintegrasikan pendidikan pemakanan sihat dan gaya hidup aktif dalam ekosistem belia. |
| II. | Bahawa sidang ini mencadangkan kerajaan untuk mengurangkan tekanan kepada ibu bapa muda melalui pelaksanaan pendidikan pra-sekolah percuma dan memperbanyak jumlah pra-sekolah di seluruh Malaysia. |
| III. | Bahawa sidang ini mencadangkan penubuhan Akta Kesejahteraan Generasi Masa Depan. |
- *Usul ini tertakluk kepada pindaan dan perubahan dari semasa ke semasa*
- 6. Pelaksanaan MPBN ini juga menzahirkan komitmen **Kerajaan MADANI** untuk memperkasakan pembangunan belia dengan mengangkat suara dan buah fikiran golongan belia seiring dengan hasrat dan aspirasi dalam kerangka **Malaysia MADANI** dan **Model Pembangunan Belia MADANI 2030 (MPBM 2030)**.
 - 7. Sekiranya terdapat pertanyaan atau memerlukan maklumat lanjut berhubung penganjuran MPBN, sila hubungi **JBSN** melalui talian **03-8871 3294** atau e-mel **jbsn@kbs.gov.my**.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN
12 September 2024**